

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
- SOALAN** : Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah program gantian untuk menggantikan Pusat Fidlot Nasional (PFN).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Program alternatif selepas Pusat Fidlot Nasional bertujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran daging negara dan untuk pengurangan kebergantungan terhadap daging import. Antara program yang sedang dilaksanakan dan dalam perancangan adalah:-

- i. **Program integrasi ternakan lembu** di kawasan kelapa sawit secara berskala besar di bawah inisiatif NKEA melalui program EPP5 yang sehingga kini telah berupaya meningkatkan bilangan induk sehingga 33,389 ekor dari agihan asal oleh kerajaan berjumlah 7,588 ekor. Ini menjadikan jumlah ternakan ditenak dalam peladangan kelapa sawit dibawah program EPP5 berjumlah

41,843 ekor bagi tahun 2015 (setelah mengambilkira jualan yang berlaku setiap tahun);

- ii. **Pelaksanaan program TKPR** (Taman Kekal Pengeluaran Ruminan). Program fidlot komponen Ladang Satelit (di tanah jabatan dan negeri) telah diberi penjenamaan semula sebagai Taman Kekal Pengeluaran Ruminan. Sehingga kini sejumlah 15 kawasan TKPR telah dibangunkan dengan keluasan 876.5 hektar. Dari jumlah tersebut 67 unit kandang telah dibangunkan dan kini 50 pengusaha sedang menjalankan aktiviti penternakan fidlot. Tahun 2015 menunjukkan 9,503 ternakan telah ditenak dan untuk tahun ini, sejumlah 8,772 ekor telah dipasarkan; dan
- iii. **Perancangan menambahbaik sistem bantuan induk/baka lembu pembiak** bagi mentransformasi penternak kecil-kecilan berpotensi kepada penternak semi-komersil dan komersil. Kaedah bantuan yang lebih terancang, komprehensif serta telus akan diperkenalkan dalam masa terdekat.